

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP)
Sent: Monday, 14 March, 2016 2:32 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudgroup
Subject: SAPSP ONLINE: PERKONGSIAN PENGALAMAN MOBILITI BERKREDIT OUTBOUND PELAJAR SAPSP



Pusat Pengajian
Psikologi Gunaan, Dasar
dan Kerja Sosial
SCHOOL OF APPLIED PSYCHOLOGY,
SOCIAL WORK AND POLICY
Universiti Utara Malaysia



**“UUM: UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA”
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)**

Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera

Y.Bhg Dato’/Prof./Dr./Tuan/Puan



PERKONGSIAN PENGALAMAN MOBILITI BERKREDIT OUTBOUND PELAJAR SAPSP

SAPSP Online: Pada 8 Mac 2016 lalu, bertempat di Dewan Auditorium, UUM CAS, Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni, Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial (SAPSP) telah menganjurkan program perkongsian pengalaman pelajar-pelajar SAPSP yang terlibat dalam mobiliti berkredit outbound ke Sekolah Tinggi Kesejahteraan Sosial, Bandung, Indonesia, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) dan Universiti Malaysia Sabah (UMS) bagi Semester A151.

Majlis diserikan dengan kehadiran Dekan SAPSP, Prof. Madya Dr Noor Azniza Ishak yang memberikan kata aluan dan motivasi kepada pelajar-pelajar SAPSP untuk mengambil peluang terlibat sama dengan program mobiliti ini sebagai Duta Universiti. Taklimat lanjut Mobiliti Outbound bagi Sesi Pertama A161 (September 2016) pula disampaikan oleh Dekan Pembangunan Pelajar dan Alumni CAS iaitu Dr Massudi Mahmuddin.

Kesemua 14 pelajar yang terlibat berkongsi pengalaman pahit, manis, suka dan duka sepanjang mengikuti pembelajaran dan pengajaran di universiti berkenaan, termasuk pengalaman mendalami budaya dan cara hidup komuniti setempat serta penglibatan mereka dengan program-program yang dianjurkan oleh *host-university*. Majlis berakhir dengan penyampaian sijil penyertaan kepada kesemua pelajar mobiliti outbound yang terlibat.

Jawatankuasa Pembangunan Pelajar dan Alumni, SAPSP juga telah mengadakan temuduga pemilihan pelajar untuk pengambilan mobiliti outbound sesi A161 pada 9 dan 13 Mac 2016.

Sekian.

School Of Applied Psychology, Social Work and Policy (SAPSP)

College of Arts and Sciences

Universiti Utara Malaysia

06010 UUM Sintok

Kedah

M A L A Y S I A

Phone : +60 (4) 928 5711/5717

Fax : + 60 (4) 928 5754

Email : sapsp@uum.edu.my



Tidak perlu dicetak e-mel ini kecuali benar-benar perlu.
(Please don't print this e-mail unless necessary)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>